

D747

U B044 AAB  
MAHATHIR - ISLAM R R R

KUALA LUMPUR, 19 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KEDUDUKAN SAINS DAN KAITANNYA DENGAN AL-QURAN PERLU DIFAHAMI DAN SEGALA KEKELIRUAN MESTILAH DIHAPUSKAN DEMI MARTABAT ISLAM DAN UMATNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEKARANG TERDAPAT KEKELIRUAN DI KALANGAN SESETENGAH UMAT ISLAM DALAM MEMAHAMI KEHENDAK AL-QURAN DAN APABILA MEREKA BERCAKAP MENGENAI AL-QURAN, MEREKA HANYA MEMENTINGKAN SOAL IBADAT KHUSUS ATAU FARDU AIN.

KETIKA BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR AL-QURAN ANTARABANGSA DI PUSAT ISLAM DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA MEREKA TIDAK MEMBERI PENEKANAN KEPADA BIDANG IBADAT UMUM ATAU FARDU KIFAYAH YANG MEMPUNYAI KESAN TERHADAP SELURUH MASYARAKAT.

KATANYA, KERANA KEKELIRUAN YANG DISEBABKAN OLEH TAFSIRAN YANG SEMPIT ITU MEREKA SERING MELIHAT APA YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN SEBAGAI TIDAK BERUNSUR ISLAM SERTA TIDAK SELARAS DENGAN KEHENDAK AL-QURAN.

+PENERIMAAN TAFSIRAN YANG SEMPIT ITULAH YANG MENYEBABKAN KEMUNDURAN ORANG ISLAM SEKARANG SEHINGGA MEREKA MISKIN DALAM SEGALA-GALANYA DAN TIDAK DAPAT MEMPERTAHANKAN DIRI TANPA SENJATA DAN BANTUAN DARIPADA PUNCA YANG BUKAN ISLAM,+ KATANYA. -- LAGI.  
1150MST 19 03 90

D748

U B045 AAB  
MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR KESAL KERANA SESETENGAH UMAT ISLAM MENGANGGAP BAHAWA SAINS MILIK ORANG BUKAN ISLAM DAN ORANG ISLAM YANG MEMASUKI BIDANG ITU TIDAK DISANJUNG TINGGI SEBAGAI ORANG YANG MEMBUAT IBADAT DAN ORANG YANG ALIM.

KATANYA, SESIAPA YANG BERANI BERKATA AHLI SAINS ADALAH ULAMA DIKECAM OLEH SESETENGAH ULAMA YANG MAHU PERKATAAN ULAMA ITU DIHADKAN KEGUNAANNYA.

+DENGAN ITU ADA DI ANTARA MEREKA YANG MEMASUKI BIDANG YANG BERASASKAN SAINS, TELAH MENINGGALKAN ILMU ITU WALAUPUN BERBAKAT DAN BERKELAYAKAN. SEBALIKNYA MEREKA MENGALIH KEPADA APA YANG DIKATAKAN KEGIATAN AGAMA,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA YANG LAIN YANG MENERUSKAN PENGAJIAN DALAM BIDANG SAINS BERASA BERSALAH BAHKAN BERASA BERDOSA DAN SETERUSNYA TIDAK MENDALAMI BIDANG ITU.

+DENGAN ITU, PENCAPAIAN ORANG ISLAM ADALAH DI PERINGKAT YANG RENDAH DAN KURANG MENDATANGKAN MANFAAT.+ KATANYA. -- LAGI.  
1151MST 19 03 90

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA SAINS MEMPUNYAI KAITAN YANG RAPAT DENGAN KELANGSUNGAN HIDUP DAN KEMAJUAN ORANG ISLAM.

+JIKA KERANA KELEMAHAN, ORANG ISLAM DITEWASKAN DALAM SEMUA BIDANG, MEREKA BUKAN SAHAJA BERSALAH KERANA TIDAK MENUNAIKAN SURUHAN AL-QURAN TETAPI JUGA MEREKA MUNGKIN DIPISAHKAN DARIPADA AGAMA MEREKA,+ TEGASNYA.

+AKAN TERDAPAT ORANG ISLAM YANG BERKATA TUHAN AKAN MELINDUNGI ORANG ISLAM, TETAPI APAKAH KITA DISURUH OLEH AL-QURAN MENYERAH SEMATA-MATA KEPADA TUHAN DAN TIDAK PAYAH BERUSAHA?+ TANYA BELIAU.

BELIAU BERKATA KEBENARAN AGAMA ISLAM BOLEH MENARIK RAMAI PENGANUT TETAPI TANPA KEJAYAAN DUNIAWI OLEH PEJUANG-PEJUANG ISLAM DI ZAMAN DAHULU, TIDAK AKAN RAMAI YANG BERPELUANG MEMAHAMI KEBENARAN ISLAM.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, JUSTERU ITU KEJAYAAN DI DUNIA TIDAK KURANG PENTINGNYA DAN SAINS BOLEH MENOLONG MENCAPAI KEJAYAAN ITU. -- LAGI.

PERDANA MENTERI MEMETIK BEBERAPA CONTOH PENEMUAN PELBAGAI ILMU SAINS YANG WUJUD SEKARANG YANG DIHASILKAN OLEH TOKOH ISLAM DARIPADA PENEROKAAN MEREKA DALAM ISLAM DAN AL-QURAN.

BELIAU BERKATA SEBENARNYA ASAS PENERBANGAN KE ANGKASA LEPAS IALAH ILMU YANG DITEROKAI OLEH PARA ULAMA ISLAM SEPERTI IBNU RUSHD, AL-KHAWARIZMI, ULUGH BEG DAN IBU KHALDUN YANG MEMAHAMI DAN MENGHAYATI ARAHAN AL-QURAN SUPAYA MEMPELAJARI ALAM SEKELILING.

KATANYA, MEREKA TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA BUKAN MAKSUD AL-QURAN UNTUK UMAT ISLAM MELIHAT SAHAJA KEBESARAN CIPTAAN TUHAN DAN AL-QURAN BUKANLAH SEBUAH KITAB SUCI UNTUK DIBACA SAHAJA, SEBALIKNYA IA PERLU DIFAHAMI, DIHAYATI PENGAJARANNYA DAN DINIKMATI SERTA DIGUNAKAN APA YANG TERKANDUNG DI DALAMNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SISTEM HURUF DAN ANGKA JUGA BERASAL DARIPADA ORANG ISLAM TETAPI HARI INI ORANG ISLAM KETINGGALAN DAN ORANG LAIN YANG MAJU.

+SEBABNYA IALAH TAFSIRAN DIBUAT PADA ZAMAN-ZAMAN TERTENTU BAHAWA IBADAT TERHAD HANYA KEPADA MENUNAIKAN BEBERAPA FARDU AIN DAN MEMBACA DIHADKAN KEPADA SOAL-SOAL HURAIAN AGAMA SAHAJA,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.  
1217MST 19 03 90

D755

U B048 AAB

MAHATHIR - ISLAM 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SERUAN AL-QURAN MENGENAI +IKRAQ+ TIDAK BERMAKNA MEMBACA AL-QURAN SEMATA-MATA TETAPI MEMBACA ATAU MEMPELAJARI YANG LAIN JUGA, YANG SEMUANYA ADALAH KURNIAAN TUHAN SUPAYA MANUSIA AKAN LEBIH FAHAM DAN SEDAR AKAN KEBESARAN ALLAH.

BELIAU SEKALI LAGI MENEGASKAN BAHAWA KERANA TAFSIRAN YANG sempit ITU, BUKAN SAJA ILMU-ILMU YANG DICIPTA, DITEROKAI DAN DIMAJUKAN OLEH ORANG ISLAM TELAH TIDAK MENDATANGKAN FAEDAH KEPADA ORANG ISLAM BAHKAN IA JUGA HILANG DARIPADA MASYARAKAT ISLAM.

MENGENAI PENDIDIKAN AL-QURAN, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SENTIASA BERUSAHA MENERUSKAN TRADISI PENGHAFALAN AL-QURAN SEPERTI MELALUI INSTITUT PENGAJIAN AL-QURAN DI BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM DI JABATAN PERDANA MENTERI.

KATANYA, INSTITUT ITU TELAH MELAHIRKAN PELAJAR YANG BUKAN SAHAJA HAFAL AL-QURAN TETAPI JUGA MEMAHAMI ILMU-ILMU LAIN YANG BERKAITAN DENGANNYA.

MULAI TAHUN INI, INSTITUT ITU MEMPERLUASKAN SKOPNYA DENGAN MENGAMBIL PELAJAR WANITA. INSTITUT ITU JUGA TELAH DIBERI PENGIKTIRAFAN PERINGKAT DIPLOMA YANG SETANDING DENGAN DIPLOMA-DIPLOMA LAIN, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI JUGA MERASMIKAN SATU PAMERAN AL-QURAN DAN SAINS YANG DIADAKAN SEMPENA SEMINAR SELAMA DUA HARI ITU. PAMERAN ITU BERLANGSUNG SEHINGGA 1 APRIL. -- BERNAMA.  
1220MST 19 03 90